



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO

Greenation@UiTM

- Terbuka kepada Staf, Pelajar dan Alumni UiTM

- Syarat - Logo perlu sesuai dengan agenda kelestarian

- Cetak atas kertas bersaiz A4

- Tarikh **TUTUP** 20 Sept. 2019

Hadiah menarik menanti anda !

Tempat Pertama
RM 1000.00 + Sijil

Tempat Ke-2
RM 500.00 + Sijil

Tempat Ke-3
RM 300.00 + Sijil

Anjuran: Jawatankuasa Kelestarian UiTM

Keterangan lanjut sila hubungi:
SEKRETARIAT Pertandingan
Mencipta Logo Greenation@UiTM
Tel: 03-5544 2043 (Darus)
03-5544 2060 (Rosly)

Hantar ke alamat:
SEKRETARIAT Pertandingan
Mencipta Logo Greenation@UiTM
Jabatan Komunikasi
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam Selangor

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO GREENATION@UiTM

Penganjur;
Jawatankuasa Kelestarian

Jabatan Komunikasi mewakili pihak penganjur mempelawa seluruh warga UiTM (staf dan pelajar) untuk mengambil bahagian dalam pertandingan mencipta logo sempena kempen **GREENATION@UiTM**

1. OBJEKTIF PERTANDINGAN

- 1.1. Mengujudkan imej khusus sempena kempen **GREENATION@UiTM**
- 1.2. Untuk digunakan pada bahan-bahan promosi dan publisiti

2. TEMA

Kelestarian Alam, Kelangsungan Kehidupan

3. SPESIFIKASI

a. Saiz

Rekaan logo perlu disediakan dengan menggunakan aplikasi komputer dan disimpan dalam fail asal (*softcopy*) dalam bentuk **jpeg** (CD) atau **AI** (illustrator) dan dalam bentuk *hardcopy* pada kertas bersaiz **A4** yang berukuran 210mm x 297mm dan ditampalkan pada *mounting board* berwarna hitam berukuran A3.

b. Rekaan

- i. Warna dan bentuk pada setiap logo yang dicipta mesti disertakan dengan penerangan dan rasional dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
- ii. Rekaan logo boleh dibuat dalam bentuk 2 atau 3 dimensi.
- iii. Peserta bebas untuk mengemukakan ciptaan logo tetapi mestilah berdasarkan tema di atas.
- iv. Perkataan **GREENATION@UiTM** wajib ada dalam rekaan.

c. Warna

Peserta hanya dibenarkan menggunakan 3 kombinasi warna sahaja.
Warna gradient tidak dibenarkan.

d. Kegunaan logo

Logo yang digubah perlu sesuai untuk digunakan ke atas pelbagai bahan promosi **GREENATION@UiTM**

e. Keaslian logo

Rekaan logo mestilah asli dan tidak boleh mengandungi unsur yang dianggap sensitif dari segi kaum, budaya, dan agama serta tidak diveduk daripada mana-mana sumber.

4. SYARAT PENYERTAAN

- a. Terbuka kepada semua staf dan pelajar UiTM
- b. Semua penyertaan hendaklah sampai ke alamat di bawah dan diterima sebelum atau pada jam 12.00 tengahari, **20 September 2019 (Jumaat)** .

Sekretariat Pertandingan Mencipta Logo GREENATION@UITM

Jabatan Komunikasi
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Tel: 03-5544 2102/2043/2040/2060

- c. Setiap peserta boleh menghantar **tidak** lebih daripada **3** penyertaan. Setiap penyertaan mestilah disertakan dengan borang penyertaan yang lengkap diisi dengan butiran peserta. Bukti kiriman pos adalah bukan bukti penerimaan.
- d. Peserta hendaklah memastikan keaslian logo dicipta terpelihara. Pihak sekretariat tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga ke atas hakcipta logo.
- e. Setiap penyertaan logo yang diterima tidak akan dikembalikan dan akan menjadi hak milik penganjur. Selain itu, penganjur mempunyai hak untuk menggunakan logo yang diterima dan mendaftarkannya sebagai hak milik harta intelek penganjur.
- f. Pihak sekretariat juga mempunyai hak untuk mengubah suai logo yang direka cipta oleh peserta.
- g. Pemenang akan dihubungi melalui pos, telefon, e-mel atau pemberitahuan menerusi media. Walau bagaimanapun, pihak penganjur berhak untuk tidak memilih pemenang di kalangan peserta yang bertanding sekiranya panel hakim memutuskan bahawa tiada peserta yang layak dianugerahkan sebagai pemenang utama.
- h. Segala kos untuk menyertai pertandingan ini atas tanggungan peserta sendiri.

5. PENGADILAN

- a. Setiap penyertaan akan dinilai dari aspek konsep, kreativiti, dan keaslian oleh satu panel juri yang dilantik oleh sekretariat.
- b. Keputusan panel juri adalah **muktamad** dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.

HADIAH

1. Tempat Pertama
RM1000.00 beserta Sijil
2. Tempat Ke-2
RM500.00 beserta Sijil
3. Tempat Ke-3
RM300.00 beserta Sijil



**PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO
GREENATION@UITM**

(Borang Penyertaan)

Perhatian :

Sila gunakan satu borang untuk setiap penyertaan. Borang penyertaan serta penerangan/rasional logo hendaklah ditampal di belakang mounting board hasil karya.

Nama penuh [seperti dalam KP] :

.....

No. ID Pelajar :

No. Pekerja (staf) :

No. KP [Baru] : **Umur :**

Tarikh Lahir : **Jantina :**

Alamat surat menyurat :

.....

.....

.....

Telefon [P] : **[R] :**

[H/P] :

Alamat e-mel :

.....

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa idea, konsep, dan penerangan berkaitan logo yang saya peroleh serta hasil karya logo yang saya sertakan dalam pertandingan ini adalah hasil usaha saya sendiri yang asli dan tidak pernah diterbitkan, disiarkan, digunakan, ditiru, diciplak, atau diambil daripada mana-mana pihak atau hasil kerja orang lain. Saya juga akan bertanggungjawab sepenuhnya jika terdapat sebarang tuntutan atau apa jua bentuk tindakan daripada mana-mana pihak terhadap saya yang berkaitan logo ini.

Tandatangan :

Tarikh :